

KEPENTINGAN SKIM KADAR RATA DI BAWAH PERATURAN CUKAI BARANG & PERKHIDMATAN (GST) KEPADA PEKEBUN KECIL SAWIT

KANDUNGAN

- Kepentingan Skim Kadar Rata di bawah Peraturan Cukai Barang & Perkhidmatan (GST) kepada Pekebun Kecil Sawit 1
- Dari Meja Ketua Penyunting 2
- Kenalilah... *Rumpai Utama di Ladang Sawit* 4
- Kuiz Sawit 6
- Sudut Teknologi - *Formulasi Serbuk Phoma herbarum sebagai Agen Kawalan Biologi Rumpai Sambaui (Eleusine indica)* 8
- Sudut Kreatif Sawit 10
- Sedutan Akhbar 12
- Tahukah Anda? 14
- Sembang Sawit 15
- Diari & Peristiwa 16
- Berita Bergambar 18
- Sudut Ekonomi 20
- Peladang Jaya 22
- Direktori MPOB 24
- Kod Amalan Baik Tapak Semaian Sawit (CoPN) 28



erajaan telah memperkenalkan skim khas di bawah peraturan GST yang dikenali sebagai Skim Kadar Rata (SKR) kepada sektor pekebun kecil. Skim ini diperkenalkan oleh kerajaan bagi meminimumkan kesan pelaksanaan GST ke atas kos pengeluaran yang dihadapi oleh pekebun kecil. Ini kerana SKR merupakan satu kemudahan untuk pekebun kecil sawit yang tidak layak berdaftar di bawah GST untuk mendapat kembali sebahagian GST yang ditanggungnya ke atas pembelian input seperti baja dan racun. Apabila pekebun kecil sawit tersebut telah diluluskan di bawah SKR, beliau boleh mengenakan caj kadar rata tambahan sebanyak 2% apabila menjual BTS kepada pembeli (peniaga atau pengilang BTS) yang berdaftar di bawah GST.

Mengikut statistik Jabatan Kastam Diraja Malaysia, terdapat 404 pekebun kecil sawit yang telah diluluskan untuk SKR sehingga Disember 2015. Bagi meningkatkan lagi jumlah pendaftaran pekebun kecil sawit untuk SKR, bermula 1 Januari 2016 kerajaan telah mengurangkan nilai ambang (*threshold*) pendaftaran daripada RM 100 000 setahun kepada RM 50 000 setahun. Ini bermakna, pekebun kecil sawit yang mencatatkan nilai jualan sawit tahunan melebihi RM 50 000 dan kurang daripada RM 500 000 layak untuk berdaftar di bawah SKR.

Berdasarkan bincangan yang dijalankan oleh MPOB ke atas pekebun kecil sawit didapati harga input pertanian seperti baja dan racun mengalami kenaikan kesan daripada pelaksanaan GST bermula pada 1 April 2015. Hasil kajian MPOB

Bersambung ke muka surat 2

Produk dan perkhidmatan yang diiklankan dalam penerbitan ini tidak boleh dianggap dipersetujui MPOB.

Sidang Pengarang

PENASIHAT
Datuk Dr Choo Yuen May
Dr Ahmad Kushairi Din

PENGERUSI
Hj Mohamad Nor Abdul Rahman

TIMBALAN PENERUSI
Hj Wahid Omar

KETUA PENYUNTING
Hj Hamdan Abu Bakar

PENYUNTING
Dr Norman Kamarudin
Dr Siti Ramlah Ahmad Ali
Dr Ahmad Tarmizi Hashim
Hj Zulkifli Abd Manaf
Raja Zulkifli Raja Omar
Ab Aziz Md Yusof
Noor Asmawati Abd Samad
M Ayatollah K Ab Rahman
Abdullah Hashim

SETIAUSAHA
Nur Hanani Mansor

Sambungan dari muka surat 1

juga mendapati SKR pada 2% ini boleh menampung kira-kira 85% GST yang dibayar ke atas input pertanian (baja dan racun) serta GST ke atas caj pengangkutan yang dikenakan kepada pekebun kecil sawit. Ini kerana pekebun kecil sawit tidak perlu membayar kembali kutipan SKR 2% kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia. Pekebun kecil sawit hanya perlu menyimpan resit daripada urus niaga jual beli sawit dan membuat penyata kewangan tahunan sebagai rujukan. Pekebun kecil sawit boleh memohon SKR secara atas talian dengan melayari www.gst.customs.gov.my.



Sumbangan:
Ayatollah K Ab Rahman
(ayat@mpob.gov.my)



DARI MEJA KETUA PENYUNTING

Dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11), kerajaan masih meletakkan industri sawit menjadi salah satu komponen penting dalam pertumbuhan dan pembangunan ekonomi negara. Sumbangannya terhadap pendapatan eksport negara serta peranannya kepada pembangunan sektor pertanian luar bandar amat ketara. Pada 2015, industri emas ini berupaya menyumbang kepada pendapatan eksport negara berjumlah RM 63.2 bilion (54%) daripada jumlah nilai eksport komoditi produk bernilai RM 117.1 bilion berbanding RM 66.12 bilion (56.7%) daripada jumlah nilai eksport komoditi produk bernilai RM 116.06 bilion pada 2014. Pencapaian ini memberi sumbangan sebanyak 3.4% kepada keluaran dalam negara kasar (KDNK) walaupun industri menghadapi suasana ekonomi global yang agak mencabar dan kurang memberangsangkan. Pada masa yang sama, industri sawit negara juga telah menyediakan peluang pekerjaan terus kepada lebih 1 juta orang termasuk 600 000 pekebun kecil. Justeru, amat jelas membuktikan bahawa kerajaan akan terus menyokong pembangunan industri sawit dengan memberi pelbagai galakan serta menyediakan geran untuk pelbagai projek khas bermula pada tahun ini sehingga tahun 2020.

Lanjutan pelaksanaan skim bantuan yang telah dijalankan di bawah projek Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) termasuk Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK) dan Tanam Baru Sawit Pekebun Kecil (TBSPK) yang bermula sejak 2011, beberapa skim bantuan dan galakan baharu telah dan akan dilaksanakan mulai 2016. Kerajaan menerusi MPOB di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi Malaysia (MPIC) juga telah memperkenalkan Skim Insentif Integrasi Tanaman dengan Sawit (ITa) dan Skim Insentif Integrasi Ternakan dengan Sawit (ITe) dengan peruntukan berjumlah RM 48 juta. Skim ini bertujuan untuk meningkatkan produktiviti dan pendapatan pekebun kecil sawit melalui penggunaan tanah dan sumber semula jadi yang optimum. Adalah menjadi harapan kerajaan, agar usahawan tani daripada kalangan pekebun kecil dapat dilahirkan di samping menyumbang kepada peningkatan hasil pengeluaran makanan negara.

Baru-baru ini juga, kerajaan telah memperkenalkan satu lagi skim untuk meningkatkan produktiviti sektor perladangan sawit dengan menawarkan Insentif Jentera Perladangan Sawit (OPIMIS) yang bertujuan untuk menggalakkan penggunaan jentera perladangan sawit, terutamanya untuk aktiviti penuaian dan pengangkutan buah tandan segar (BTS). Skim ini menawarkan pengurangan harga atau diskaun sebanyak

Bersambung ke muka surat 3

Sambungan dari muka surat 2

10%-20% kepada pembeli melalui pembekal yang dilantik, bergantung kepada jenis jentera yang dibeli dan mempraktikkan penggunaan jentera di ladang sawit.

Daripada pelbagai skim bantuan yang disediakan oleh kerajaan pada masa kini tidaklah bermakna setiap pengusaha terutama pekebun kecil sentiasa terus bergantung harap untuk menjadi seorang pekebun kecil berjaya. Sebaliknya, mereka perlu berusaha lebih gigih bersama pihak kerajaan dalam memajukan kecemerlangan industri sawit negara.

Kerajaan juga amat menggalakkan penglibatan mereka melalui koperasi. Sejak penubuhan 30 Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM) sehingga Disember 2015, sambutan penyertaan pekebun kecil boleh

dibanggakan. Sehingga kini, jumlah ahli KPSM telah mencapai 3666 orang. Beberapa KPSM baharu lagi akan ditubuhkan di seluruh negara dan telah mendapat sambutan yang positif daripada pekebun kecil. Apa yang lebih penting, setiap pekebun kecil yang menyertai KPSM telah menikmati faedah hasil jualan BTS dari kebun sawit mereka dengan memperoleh harga lebih baik berbanding sebelumnya. Beberapa kelebihan lain untuk ahli KPSM ialah mendapat dana permulaan penubuhan Koperasi KPSM dari MPOB serta kemudahan overdraf berjumlah RM 200 000 dengan kerjasama Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank). Buat masa ini, kerajaan juga ada menyediakan insentif menyediakan pusat timbang kepada KPSM yang telah dan akan ditubuhkan bagi urusan jual beli BTS.

Sudut Renungan



Dan Dialah (Allah) yang menjadikan (untuk kamu) kebun-kebun yang menjalar tanamannya dan yang tidak menjalar dan pohon-pohon tamar (kurma) dan tanaman-tanaman yang berlainan (bentuk, rupa dan) rasanya dan buah zaitun dan delima, yang bersamaan (warnanya atau daunnya) dan tidak bersamaan (rasanya). Makanlah dari buahnya ketika ia berbuah dan keluarkanlah haknya (zakatnya) pada hari memetik atau menuainya dan janganlah kamu berlebih-lebihan (pada apa-apa jua yang kamu makan atau belanjakan); sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berlebih-lebihan

(Al-Anam:141)


KENALILAH... RUMPAI UTAMA DI LADANG SAWIT

Rumpai yang merupakan singkatan kepada rumput-rumpai boleh didefinisikan sebagai tumbuhan yang tidak diinginkan di sesuatu kawasan, termasuk di ladang sawit. Rumpai yang tidak dikawal akan mengganggu tumbesaran tanaman, pengurusan ladang dan mengurangkan produktiviti. Kawalan rumpai merupakan amalan agronomi dalam pengurusan kebun sawit bagi mengelakkan persaingan dan memberi laluan kepada tanaman sawit untuk hidup subur dan produktif. Kehadiran rumpai di ladang sawit menyebabkan persaingan untuk sumber air, nutrien (baja), cahaya dan ruang.

Pelbagai jenis rumpai tumbuh di kebun sawit sama ada selepas peringkat penyediaan kawasan atau di peringkat pokok dewasa. Di peringkat awal penanaman sawit, kawalan rumpai bersepadu dan sistematik perlu dilakukan bagi memastikan tumbesaran anak benih sawit dapat dijaga. Pengelasan jenis rumpai dibuat berdasarkan bentuk daun dan ciri-ciri pertumbuhannya. Kehadiran pelbagai jenis rumpai bergantung kepada jenis tanah, iklim, taburan hujan, kelembapan tanah dan penyebaran benih rumpai tersebut. Rumpai di ladang sawit boleh dibahagikan kepada empat kumpulan iaitu i) jenis rumput; ii) jenis menjalar; iii) jenis renek, dan iv) paku-pakis dan resam.

i. Rumpai Jenis Rumput

- Daun berbentuk tirus dan memanjang. Mempunyai urat daun selari.
- Penyebaran biji benih melalui angin, haiwan dan manusia.
- Contoh rumpai jenis rumput yang lazim terdapat di ladang sawit ialah lalang dan rumput dawai (Rajah 1).



Rajah 1. Rumpai jenis rumput, (a) Lalang (*Imperata cylindrical*), (b) rumput dawai (*Ischaemum muticum*).

ii. Rumpai Jenis Menjalar

- Berdaun lebar dan mempunyai urat daun berbentuk jaring.
- Memiliki batang kecil dan lembut serta tumbuh menjalar di permukaan tanah.
- Pembiakan melalui biji benih. Rumpai jenis ini juga boleh membiak melalui tunas jika dibiarkan pada keadaan lembap.
- Contoh rumpai menjalar yang sering terdapat di ladang sawit adalah selaput tunggu dan timun padang (Rajah 2).



Rajah 2. Rumpai jenis menjalar, (a) selaput tunggu (*Mikania micrantha*), (b) timun padang (*Passiflora foetida*).

iii. Rumpai Jenis Renek

- Berdaun lebar, tumbuh merimbun, besar dan menghasilkan banyak ranting kecil.
- Terdapat beberapa jenis yang mempunyai batang berkayu dan keras selain jenis berbatang lembut.
- Pembiakan melalui biji benih dan tunas.
- Contoh rumpai jenis renek yang terdapat di ladang sawit seperti pokok kapal terbang, senduduk, senduduk bulu (Rajah 3).


Sambungan dari muka surat 4



Rajah 3. Rumpai jenis renek, (a) pokok kapal terbang (*Chromolaena odorata*), (b) senduduk (*Melastoma malabathricum*), (c) senduduk bulu (*Clidemia hirta*).

iv. Rumpai Jenis Paku-pakis dan Resam

- Sistem perakaran yang cetek dan tidak memberi persaingan kepada sawit.
- Terdapat di kawasan sawit matang dan di batang sawit.
- Pembiakan secara spora yang terdapat di bawah permukaan daun dan melalui rizom.
- Contoh jenis rumpai yang terdapat di ladang sawit seperti paku larat, paku rawan, resam (Rajah 4).



Rajah 4. Rumpai jenis paku pakis dan resam, (a) paku larat (*Nephrolepis bisserata*), (b) paku rawan (*Stenochlaena palustris*), (c) resam (*Dicranopteris linearis*).



Sumbangan:
Nazirah Che Jaafar
(nazirah@mpob.gov.my)

????????? **Kuiz Sawit** ??????????

Pembaca *Warta Sawit* berpeluang memenangi wang tunai berjumlah RM 100 sekiranya berjaya menjawab lima soalan yang diberikan dengan tepat. Hanya **tiga** penyertaan bertuah yang menjawab dengan tepat akan dipilih sebagai pemenang.

Syarat penyertaan

- Terbuka kepada pembaca *Warta Sawit* kecuali kakitangan dan ahli keluarga Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB);
- Sila bulatkan jawapan yang betul;
- Tarikh tutup penyertaan ialah pada **31 OGOS 2016**; dan
- Keputusan pengadil adalah muktamad.

Hantar/faks/emel jawapan anda berserta nama, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan alamat yang jelas kepada:

Kuiz Warta Sawit
Ibu Pejabat MPOB, Peti Surat 10620
50720 Kuala Lumpur
u/p: Unit Khidmat Pengembangan,
Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan
Faks: 03-8920 2932
Emel: shuhadah@mpob.gov.my

**JANGAN
LEPASKAN
PELUANG
MEMENANGI
RM 100**

SUMBER MAKLUMAT UNTUK MENJAWAB SOALAN KUIZ INI ADALAH BERDASARKAN ARTIKEL-ARTIKEL DALAM WARTA SAWIT BIL. 62/(1) JANUARI-APRIL 2016.

1. Apakah yang perlu dilakukan oleh pekebun kecil sawit apabila telah berdaftar di bawah Skim Kadar Rata?
 - i. Menyimpan resit-resit urus niaga jualan buah sawit.
 - ii. Menyediakan penyata kewangan tahunan hasil jualan sawit.
 - iii. Menghantar resit-resit pembelian input pertanian kepada Jabatan Kastam.
 - iv. Membayar kembali kutipan SKR kepada Jabatan Kastam.
 - a. i, ii, iii & iv
 - b. i, ii, & iii
 - c. i & ii
 - d. i & iv
2. Apakah elemen persaingan yang wujud terhadap tanaman sawit sekiranya pekebun gagal mengawal pertumbuhan rumpai di ladang sawit?
 - i. Sumber air dan nutrien
 - ii. Perosak dan penyakit tanaman
 - iii. Cahaya dan ruang
 - iv. Agen pendebungaan

Bersambung ke muka surat 7



Sambungan dari muka surat 6

- a. i dan ii
 - b. ii dan iii
 - c. i dan iii
 - d. ii dan iv
3. Kulat apakah yang digunakan bagi mengawal rumput sambau (*Eleusine indica*)?
- a. *Trichoderma harzianum*
 - b. *Phoma herbarum*
 - c. *Phoma clematidina*
 - d. *Ganoderma boninense*
4. Berapakah keluasan yang mampu dituai oleh satu kumpulan pekerja seramai tiga orang yang terdiri daripada seorang penuai menggunakan Cantas dan dua orang pembantu?
- a. 5 ha
 - b. 10 ha
 - c. 15 ha
 - d. 20 ha
5. Apakah sistem tanaman yang diamalkan oleh Peladang Jaya, En Mohd Jazmin di kebun sawitnya yang berkeluasan 12 ha?
- a. Tanaman tiga segi sama dengan ukuran jarak tanaman 9.8 m x 9.8 m x 9.8 m dan berkepadatan 148 pk/ha
 - b. Tanaman tiga segi sama dengan ukuran jarak tanaman 8.8 m x 8.8 m x 8.8 m dan berkepadatan 160 pk/ha
 - c. Tanaman tiga segi sama dengan ukuran jarak tanaman 8 m x 8 m x 8 m dan berkepadatan 148 pk/ha
 - d. Tanaman tiga segi sama dengan ukuran jarak tanaman 8.8 m x 8.8 m x 8.8 m dan berkepadatan 148 pk/ha

Nama : _____

No. Kad Pengenalan : _____

No. Telefon : _____

Alamat : _____

JAWAPAN SOALAN KUIZ WARTA SAWIT BIL. 61(3)/ SEPTEMBER-DISEMBER 2015

1. d
2. c
3. b
4. d
5. c

PEMENANG KUIZ WARTA SAWIT BIL. 61(3)/ SEPTEMBER-DISEMBER 2015

1. Mohd Redzuan b. Mas Nayan
2. Nurul Fairuz bt. Ramli
3. Matan Iskandar b. Matan Ibrahim

SUDUT TEKNOLOGI

FORMULASI SERBUK PHOMA HERBARUM SEBAGAI AGEN KAWALAN BIOLOGI RUMPUT SAMBAU (*Eleusine indica*)

Pengenalan

Rumpai adalah satu perkataan umum untuk tumbuhan yang tumbuh di mana ia tidak diperlukan. Rumput sambau (*Eleusine indica*) (Rajah 1) adalah rumpai yang mengancam industri pertanian di Malaysia dan disenaraikan sebagai salah satu daripada 10 rumpai yang terpenting di dunia. Masalah rumpai ini kian serius apabila ia menjadi rintang terhadap semburan racun rumpai. Keadaan ini boleh berlaku apabila racun yang sama digunakan berulang kali, dalam tempoh tiga hingga lima tahun. Laporan pertama rumput sambau yang rintang terhadap semburan racun *Glyphosate* di Malaysia dilaporkan berlaku di Teluk Intan, Perak pada 1998 apabila racun ini didapati gagal untuk memberikan kawalan yang sepatutnya.

Tahap kerintangan dalam spesies *E. indica* di Teluk Intan didapati 8 hingga 12 kali ganda lebih tinggi daripada spesies yang tidak rintang terhadap semburan *Glyphosate*. Ini jelas menunjukkan bahawa masalah rumput sambau yang rintang terhadap semburan racun rumpai akan meningkat sekiranya langkah-langkah proaktif tidak dilakukan. Justeru itu, kaedah pengawalan alternatif seperti menggunakan mikroorganisma, berkemungkinan dapat mengatasi masalah kerintangan ini di samping memelihara alam sekitar. Kulat daripada genus *Phoma* didapati berpotensi untuk digunakan sebagai agen kawalan biologi rumpai. MPOB telah berjaya menghasilkan serbuk formulasi *Phoma herbarum* sebagai agen kawalan biologi rumput sambau (Rajah 2).

Kajian Keberkesanan pada Peringkat Lapangan

Kajian peringkat lapangan telah dijalankan di kawasan yang mempunyai rumput sambau yang banyak serta rintang kepada racun rumpai *Glyphosate*. Selepas 14 hari menggunakan formu-

lasi serbuk *P. herbarum*, didapati peratus kematian rumput sambau meningkat secara ketara kepada 30%, 70% pada hari ke-21 dan 80% pada hari ke-28 (Jadual 2). Selepas 35 hari, didapati peratusan rumput sambau yang mati adalah kekal pada 80% berbanding 10% pada plot kawalan yang tidak dirawat (Rajah 4a dan 4b). Kematian sebanyak 10% ini dijangka berlaku disebabkan oleh penuaan. Berdasarkan pemerhatian, rumput sambau yang dirawat dengan formulasi serbuk *P. herbarum* hanya tumbuh semula selepas 42 hari, berbanding jika dirawat dengan racun rumpai biasa selama 21 hari.



Rajah 1. *Eleusine indica* (rumput sambau).



Rajah 2. Formulasi serbuk *Phoma herbarum*.

**JADUAL 2. KESAN FORMULASI SERBUK
PHOMA HERBARUM TERHADAP ELEUSINE
INDICA PADA PERINGKAT LAPANGAN**


Rawatan	Kematian <i>E. indica</i> (%)				
	7 hari	14 hari	21 hari	28 hari	35 hari
T1 – <i>P. herbarum</i> pada 10 ⁶ konidia / ml	0	30a	70a	80a	80a
T2 – Kawalan	0	0b	0b	0b	10b

Nota: Huruf yang berbeza dalam lajur yang sama menunjukkan perbezaan yang ketara ($p < 0.05$) dengan ujian *t*. N=5.

Sambungan dari muka surat 8




Rajah 4a. *E. indica* dirawat dengan formulasi serbuk *P. herbarum* menunjukkan 80% kematian pada 35 hari selepas rawatan.



Rajah 4b. Plot kawalan selepas 35 hari kajian dijalankan.

Kesan ke atas Tumbuhan Bukan Sasaran

Hasil kajian juga menunjukkan bahawa *P. herbarum* tidak mendatangkan apa-apa kesan ke atas tanaman lain seperti cili, terung dan kacang bendi. Kajian mendapati bahawa tiada simptom seperti daun bertukar menjadi kekuningan atau pelunturan warna daun selepas 14 hari semburan *P. herbarum* dilakukan (Rajah 6).



Rajah 6. Aplikasi *Phoma herbarum* ke atas kacang bendi (a), terung (b) dan cili (c) tidak mendatangkan sebarang kesan negatif selepas 14 hari semburan dilakukan.

Kajian terdahulu juga menunjukkan bahawa tanaman daripada famili *Curcubitaceae*, *Poaceae*, *Linaceae* dan *Solanaceae* mempunyai kerintangan yang tinggi terhadap *Phoma* sp.

Kesimpulan

Kawalan rumpai menerusi agen kawalan biologi merupakan satu cara inovatif untuk menguruskan rumpai yang mempunyai kerintangan yang tinggi terhadap sesetengah racun rumpai. Menerusi kajian kawalan biologi racun rumpai ini, didapati bahawa formulasi *P. herbarum* yang dibangunkan adalah stabil dan berpotensi untuk digunakan di kawasan tapak semaian dan di ladang-ladang sawit sekali gus mengurangkan kadar penggunaan racun kimia serta mengelakkan daripada berlaku kadar rintangan rumpai yang baru terhadap racun kimia.



WS
Sumbangan:
Mohd Hefni Rusli
(hefni@mpob.gov.my)



GUBAHAN SAWIT



Bahan

Buah sawit
Bunga jantan sawit
Bunga betina sawit
Daun sawit
Dawai
Bakul
Span
Gunting
Sabut pokok sawit
Riben

Cara

1. Daun sawit dibelah dua dan dilipat menjadi sekuntum bunga ros.
2. Buah sawit, bunga jantan dan betina direlaikan, dicucuk dan diikat dengan dawai pada biomas batang sawit dan disusun di dalam bakul.
3. Hias mengikut kreativiti.



Sumbangan:
Nur Amaniiiman Elias
(Unit Khidmat Pengembangan, IRED)

PENGUMUMAN

Para pembaca dipelawa untuk menghantar resipi, gubahan atau barangan kreatif berasaskan bahan sawit atau menggunakan bahan buangan sawit. Setiap sumbangan hendaklah disertakan gambar dengan keterangan yang lengkap berserta nama penuh, alamat dan nombor telefon untuk dihubungi. Setiap sumbangan yang disiarkan dalam Warta Sawit akan menerima cenderamata khas daripada MPOB.

Sudut Kreatif Warta Sawit
Ibu Pejabat MPOB, Peti Surat 10620
50720 Kuala Lumpur
u/p: Unit Khidmat Pengembangan,
Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan



SEDUTAN AKHBAR

Tajuk : KERAJAAN TETAP UTAMAKAN PENDUDUK TEMPATAN BEKERJA DI LADANG SAWIT

Sumber : Utusan Borneo - 31 Mac 2016

KUCHING - Memilih menggunakan tenaga kerja daripada beberapa negara bagi mengisi kekurangan 30 000 tenaga kerja di sektor ladang sawit di Sarawak merupakan langkah terakhir kerajaan negeri.

Menteri Kemajuan Tanah, Tan Sri Datuk Amar James Masing berkata, sebaliknya kerajaan akan memberi keutamaan kepada penduduk tempatan yang berminat dalam sektor itu terutama berkaitan penuaian buah sawit.

“Kita kekurangan 30 000 tenaga kerja dalam sektor perladangan sawit khususnya penuaian, yang kritikal kerana kita mengalami kerugian RM 1 bilion setahun disebabkan buah tandan segar yang tidak dikutip (dituai).

“Namun dalam hal ini saya mahu kalau boleh 30 000 itu diisi kesemuanya oleh masyarakat tempatan yang berminat melainkan kita memang tidak ada cara lain, dengan itu mengambil tenaga kerja dari negara seperti Myanmar, Nepal, Kemboja, Indo-China dan Vietnam,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Seminar Penekanan Keperluan Tenaga Kerja Industri Sawit di Sarawak yang dianjurkan kementerianya dan Institut Pembangunan Sarawak (SDI).

Tajuk : REBUT TARIF SIFAR SEMENTARA MINYAK SAWIT OLEH COLOMBIA

Sumber : Bernama - 5 April 2016

KUALA LUMPUR - Pengeluar minyak sawit dan oleokimia perlu merebut peluang penghapusan sementara tarif oleh Colombia untuk sawit dan produk berkaitan minyak sawit.

Kerajaan Colombia baru-baru ini mengeluarkan perintah membenarkan import minyak sawit pada kadar sifar daripada 40% sebelum ini, untuk selama enam bulan mulai 29 Februari hingga 29 Ogos 2016, kata Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE).

Penghapusan itu merangkumi kategori berkaitan minyak sawit seperti minyak sawit mentah, minyak sawit dan pecahannya, sama ada ditapis atau tidak, tetapi tidak diubah suai secara kimia, minyak isirung sawit mentah, minyak sayuran dan lemak, marjerin (tidak termasuk marjerin cair), campuran lain atau penyediaan minyak sayuran dan lemak serta sayuran dan minyak haiwan dan lemak.

Sementara itu, produk oleokimia seperti asid stearik, asid oleik dan lain-lain asid berlemak industri monokarbosilik turut termasuk dalam langkah itu, kata MATRADE dalam satu kenyataan hari ini.

Tajuk : E-CUTTER MUDAHKAN KERJA LADANG

Sumber : Sinar Harian - 16 April 2016

SERDANG - Sebelum ini, peladang terpaksa menggunakan peralatan mekanikal, tombak, galah atau pentantas manual untuk mengait pelepah dan tandan buah sawit. Malah ia memerlukan kudrat yang banyak untuk melakukan kerja-kerja berkenaan. Namun, dengan inovasi terbaru, kerja-kerja tersebut menjadi lebih mudah dan cepat, sekali gus meningkatkan hasil.

Dikenali sebagai E-Cutter, alat terbaru itu diilhamkan Pensyarah Kanan, Jabatan Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, Fakulti Kejuruteraan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Norhisam Misron, dan turut dibangunkan hasil penyelidikan bersama Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB).

Norhisam berkata, beliau bersama Pegawai Penyelidik MPOB, Abdul Razak Jelani mula menjalankan penyelidikan dan pembangunan (R&D) untuk membangunkan E-Cutter pada 2010 dengan dana RM 480 000 yang disalurkan menerusi geran MPOB, UPM dan Kementerian Pengajian Tinggi.

“E-Cutter menggunakan gabungan konsep kuasa elektrik dan mekanikal bagi menggerakkan alat pemotong berupa sabit yang dipasang pada hujung galah. Ia dibangunkan menerusi satu sistem menggabungkan generator elektrik dan motor”.

“Konsep itu merupakan penambahbaikan yang dilakukan terhadap alat Cantas yang direka MPOB sebelum ini,” katanya.

Bersambung ke muka surat 13

Sambungan dari muka surat 12

Tajuk : MISI PROMOSI SAWIT KE PERANCIS DAN BELGIUM 24-28 APRIL 2016

Sumber : Bernama, 22 April 2016

PUTRAJAYA - Datuk Ar Wan Khai-ril Anuar Wan Ahmad, Pengerusi Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), mengetuai Misi Promosi Sawit ke Perancis dan Belgium dari 24 hingga 28 April 2016. Delegasi terdiri daripada Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Pegawai-pegawai Kanan dan beberapa Ahli Parlimen.

Delegasi ke Perancis dan Belgium ini akan:

- Mengadakan perbincangan dengan pihak-pihak berkepentingan termasuk Ahli Parlimen dan pegawai kerajaan di Perancis mengenai cadangan untuk meningkatkan cukai import ke atas minyak sawit yang akan dibentangkan di Dewan Senat Perancis;
- Mengadakan mesyuarat dengan Suruhanjaya Eropah (European Commission – EC) dan Parlimen Eropah bagi menerangkan pengalaman Malaysia dalam pembangunan sawit secara mampan; dan
- Meninjau peluang-peluang untuk memperkukuhkan eksport produk-produk sawit dan komoditi ke Perancis dan Belgium.

Tajuk : NKEA MINYAK SAWIT, GETAH SERAMPANG TIGA MATA

Sumber : Berita Harian, 26 April 2016

KUALA LUMPUR - Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) minyak sawit dan getah bermatlamat serampang tiga mata untuk mencapai tema Insan, Bumi dan Keuntungan.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Sri Douglas Uggah Embas, berkata ia menekankan keperluan untuk mengimbangi pertumbuhan dan kemampanan yang progresif dalam memastikan inisiatif bersifat mesra rakyat.

Beliau berkata, walaupun berhadapan cabaran berterusan dalam sektor minyak sawit dan getah, kedua-dua sektor ini terus mendorong untuk merungkai dimensi nilai menerusi peningkatan produktiviti hulu.

Kebelakangan ini, katanya harga minyak sawit dunia amat tidak stabil, dari paras puncak, iaitu RM 3800 pada 2011 hingga mencecah RM 1800 pada Ogos 2015. Pada 2015 menyaksikan prestasi bercampur-campur industri minyak sawit Malaysia.

Tajuk : MALAYSIA BOLEH KURANGKAN SIMPANAN MSM MENERUSI AKTIVITI HILIRAN

Sumber : Bernama, 26 April 2016

KUALA LUMPUR - Stok simpanan minyak sawit mentah (MSM) Malaysia boleh dikurangkan jika lebih ramai penggiat industri mempelbagaikan aktiviti, dengan pengeluaran hiliran yang mampu menawarkan 50% hasil yang lebih tinggi berbanding sektor hulu, kata Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Amar Douglas Uggah Embas.

Beliau berkata lebih banyak penyepaduan hiliran akan dapat membantu sektor berkenaan mengharungi turun naik harga minyak sawit semasa yang akan menjejaskan industri perladangan negara.

Usaha sudah dijalankan, namun lebih banyak usaha perlu dilakukan bagi memperlbagaikan dan mengukuhkan daya tahan dengan beralih daripada pergantungan dalam pasaran komoditi.

“Anjakan tumpuan ke atas sektor hiliran selain inisiatif awam dan swasta, wajar berasaskan manfaat untuk rakyat, bumi dan keuntungan,” katanya dalam Laporan Tahunan Program Transformasi Negara 2015 yang dikeluarkan oleh PEMANDU hari ini.

Mengenai pendapatan pekebun kecil dalam sektor minyak sawit yang semakin meningkat, Uggah berkata usaha menerusi Projek Permulaan kini dilanjutkan dengan memasukkan hasil bukan minyak sawit menerusi penyepaduan tanaman.



CANTAS EVO: ALAT PEMOTONG SAWIT BERMOTOR

Teknologi Alat Pemotong Sawit Bermotor (Cantas)

Pemotong sawit bermotor yang dikenali sebagai Cantas telah diperkenalkan MPOB pada 2007. Penggunaan Cantas disasarkan untuk pokok sawit dengan aras tuai di bawah ketinggian 7 m. Cantas telah dipaten di enam buah negara iaitu Malaysia, Thailand, Indonesia, Brazil, Colombia dan Costa Rica bagi melindungi harta intelek (IP) teknologi yang dibangunkan oleh MPOB.

Kajian yang dijalankan di beberapa buah estet di Malaysia mendapati secara puratanya Cantas mampu meningkatkan produktiviti tuaian daripada 3.4 tan (sabit manual) kepada 6.75 t buah tandan segar (BTS) sehari; dan seterusnya meningkatkan produktiviti seorang pekerja daripada 1.7 t (manual) kepada 2.2 t BTS sehari iaitu peningkatan kira-kira 30% berbanding penggunaan kaedah manual yang menggunakan sabit sebagai alat penuai dan *wheelbarrow* sebagai alat mengangkut BTS.

Sebagai perbandingan, satu kumpulan Cantas (tiga orang: seorang penuai dan dua pembantu) secara puratanya berupaya menuai kawasan seluas 10 ha sehari (3.3 ha/orang/hari), manakala kumpulan penuai manual menggunakan sabit (dua orang: satu penuai dan satu pembantu) hanya berupaya menuai kawasan seluas 4 ha sehari (2 ha/orang/hari). Penggunaan Cantas dapat meningkatkan nisbah pekerja kepada tanah pada kadar kira-kira 50% berbanding kaedah manual, iaitu peningkatan nisbah dari 1:20 ha kepada 1:32 ha. Ini seterusnya dapat meningkatkan pendapatan pekerja dan mengurangkan bilangan pekerja di ladang yang bergantung kepada pekerja asing.

Pembangunan Cantas Evo

Usaha penambahbaikan Cantas yang dijalankan sejak tahun 2012 telah menghasilkan satu teknologi Cantas generasi baharu atau dikenali sebagai Cantas Evo. Mengambil singkatan *Evo-*

lution yang membawa maksud anjakan atau transformasi reka bentuk baharu, Cantas Evo menampilkan beberapa ciri baru yang menitikberatkan aspek kualiti, ketahanan, pengurangan berat dan capaian tinggi. Cantas Evo telah dilancarkan oleh Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi pada Seminar Pemindahan Teknologi MPOB 2014. Beberapa prototaip Cantas Evo telah diuji di beberapa ladang komersial bagi menilai prestasi dan ketahanannya. Prototaip Cantas Evo telah diuji di lapangan melebihi 600 jam atau bersamaan dengan lima bulan tanpa mengalami masalah yang serius. Ia juga telah diuji di makmal dan telah melepasi kesemua prosedur yang ditetapkan iaitu ujian jatuhan (*drop*), ujian kelesuan (*fatigue*), ujian getaran (*vibration*) dan ujian ketahanan (*endurance*). Kawalan kualiti yang ketat ini penting bagi memastikan ia menepati piawaian yang ditetapkan MPOB.

Ciri termaju yang ditawarkan oleh Cantas Evo dengan kualiti dan ketahanan dapat meningkatkan pendapatan pekebun. Buat masa kini, Cantas Evo dipasarkan oleh Syarikat Alpha Centennial Sdn Bhd yang dilantik MPOB. Pembeli boleh menghubungi syarikat ini melalui talian 012-4579402 untuk temujanji, membuat demonstrasi dan tempahan. Potongan harga RM 1000 seunit melalui Skim Diskaun Cantas MPOB (SKIDIC) akan diberikan selagi peruntukan untuk skim ini ada.



Cantas Evo.

Bersambung ke muka surat 15

Sambungan dari muka surat 14

Ciri-ciri Termaju Cantas Evo

Kepala pemotong (*cutting head*) didatangkan dengan reka bentuk baharu yang lebih berkualiti dan tahan. Kepala pemotong ini dilengkapi dengan pemegang boleh laras (*adjustable holder*) mengikut sudut kecondongan sabit bagi menyesuaikan penuaian pada pokok yang berbeza ketinggian. Reka bentuk ini menghasilkan getaran rendah yang tidak memudaratkan pengguna. Ia juga mudah untuk diservis dan diperbaiki kerana reka bentuknya yang mudah. Ia juga dilengkapi dengan pemegang sejagat (*universal*) bagi membolehkan pemasangan sabit atau pahat dilakukan dengan mudah dan cepat.




Kepala Pemotong Cantas Evo.

Pelaras ketinggian juga adalah lebih berkualiti dan tahan. Ia diperbuat daripada bahan aloi aluminium yang lebih ringan. Penggunaan galah gentian karbon dapat mengurangkan berat sebanyak 20% berbanding galah aluminium. Ia juga dapat meningkatkan kekakuan (*stiffness*) yang merupakan satu ciri penting dalam reka bentuk Cantas capaian tinggi. Umumnya berat Cantas Evo ialah 7.2 kg bergantung kepada jenis enjin yang digunakan. Cantas Evo dapat mencapai ketinggian maksimum aras tuai 8 m berbanding 5 m oleh versi Cantas sebelum ini. Kajian penggunaan Cantas Evo untuk aras tuai ketinggian 8 m di sebuah ladang di utara Semenanjung Malaysia membuktikan produktiviti tuaian telah meningkat 20% berbanding Cantas versi lama kerana cirinya yang lebih ringan dan tahan lasak. Kos pembaikan juga berkurang sebanyak 80% berbanding Cantas versi lama. Peningkatan ketinggian ini dijangka dapat meningkatkan potensi kawasan penuaian daripada 1.5 juta sebelum ini kepada 2.5 juta hektar di Malaysia.



Sumbangan:
Abdul Razak Jelani
(razak@mpob.gov.my)



DIARI & PERISTIWA

(MEI-OGOS 2016)

Program/Kursus	Tarikh	Tempat	Sebarang pertanyaan, sila hubungi
SENARAI KURSUS UNTUK PEKEBUN KECIL ANJURAN TUNAS, MPOB			
ZON UTARA			
Program Latihan Pensijilan GAP/ Promosi Koperasi /MAT Koperasi	14/5/2016	Baling, Kedah	Penyelaras Tunas Zon Selatan 1 Nursuhana Dahari Tel: 07-789 1133 nursuhana@mpob.gov.my
Roadshow GAP/MSPO	10/5/2016	Selama, Perak	
Lawatan Sambil Belajar	25/8/2016	Kilang Nafas Fertilizer, Gurun, Kedah	
ZON TENGAH			
Kursus Sehari Sawit Bersama Ahli Kelab 30 Tan	14/5/2016	Kuala Langat, Banting, Selangor	Penyelaras TUNAS Zon Selatan 2 Hasmiza Desa Tel: 07-454 130 hasmiza.desa@mpob.gov.my
Lawatan Sambil Belajar	19/5/2016	Negeri Sembilan	
ZON TIMUR			
Kursus Sehari Sawit untuk Pekebun Kecil	30/5/2016	Balai Raya Kg Nibong Hulu Terengganu, Terengganu	Penyelaras Tunas Zon Tengah Parthiban Kannan Tel: 03-8926 1854 parthiban@mpob.gov.my
	31/5/2016 6/8/2016	Balai Raya Kg Banggol, Setiu, Terengganu Bandar Jerantut, Pahang	
Roadshow Bantuan MPOB (Tanam Baru Sawit PK/TSSPK/SBSPK)	18/5/2016	Bachok, Kelantan	
Lawatan Sambil Belajar	10/5/2016 27/7/2016	Kilang Sawit Selendang, Rompin, Pahang Stesen Penyelidikan MPOB Hulu Paka, Terengganu	Penyelaras TUNAS Zon Timur Mohd. Khairul Anwar Isnin Tel: 09-296 0580 khairulanwar@mpob.gov.my
Roadshow GAP/MSPO	23/8/2016 24/8/2016	Dewan Sivik Kg Jabi Besut, Terengganu Saz Oil Sdn Bhd, Machang, Kelantan	Penyelaras TUNAS Zon Utara Tan Say Peng Tel: 05-623 4104 saypeng@mpob.gov.my
Sesi ceramah/taklimat skim bantuan/ Roadshow Cantas	22/8/2016	KESEDAR Gua Musang, Kelantan	
ZON SELATAN 1			
Kursus Sehari Sawit untuk Pekebun Kecil	23/5/2016	Balai Serbaguna Taman Air Merah, Mersing, Johor	Penyelaras Tunas Zon Sabah 1 Amran Arifin Tel: 088-493 700 amranarifin@mpob.gov.my
Kursus Sehari Sawit Bersama Ahli Kelab 30 Tan	25/5/2016	Dewan Seminar Mardi, Kluang, Johor	
Program Latihan Pensijilan GAP/ Promosi Koperasi /MAT Koperasi	28/5/2016 30/7/2016	KPSM Yong Peng (MAT) KPSM Yong Peng (Promosi)	
Lawatan Sambil Belajar	30/8/2016	Syarikat Baja F4, Pasir Gudang, Johor	

Sambungan dari muka surat 16

Program/Kursus	Tarikh	Tempat	Sebarang pertanyaan, sila hubungi	
SENARAI KURSUS UNTUK PEKEBUN KECIL ANJURAN TUNAS, MPOB				
ZON SELATAN 2				
Kursus Sehari Sawit untuk Pekebun Kecil	18/5/2016 30/5/2016	Kompleks FAMA Bekembar, Johor Sri Gading, Batu Pahat, Johor	<p>Penyelaras TUNAS Zon Sabah 2 Shakir Alid Tel: 089-897 107 shakir@mpob.gov.my</p> <p>Penyelaras TUNAS Zon Sarawak 1 Arfan Johari Tel: 083-436 273 arfan@mpob.gov.my</p> <p>Penyelaras TUNAS Zon Sarawak 2 Khairul Abidin Tel: 085-427 166 khairul.abidin@mpob.gov.my</p>	
Lawatan Sambil Belajar	30/8/2016	Syarikat Baja F4, Pasir Gudang, Johor		
ZON SABAH 1				
Program/Kursus	Tarikh	Tempat		
Kursus Sehari Sawit untuk Pekebun Kecil	15/6/2016	Dewan Serbaguna Belia, Nabawan, Sabah		
ZON SABAH 2				
Program/Kursus	Tarikh	Tempat		
Kursus Sehari Sawit untuk Pekebun Kecil	10/5/2016	Dewan Perpustakaan Balung, Tawau, Sabah		
	17/5/2016	Dewan Serbaguna Kg Goman-tong Jaya, Kinabatangan, Sabah		
	26/6/2016	Dewan Tawoi Maratu Kg Usaha Jaya, Kinabatangan, Sabah		
	2/8/2016	Dewan Majlis Daerah Semporna, Sabah		
	23/8/2016	Dewan Serbaguna Kg Paris 1, Sabah		
Kursus Sehari Sawit Bersama Ahli Kelab 30 Tan	19/5/2016	PLASMA MPOB Lahad Datu, Sabah		
Program Latihan Pensijilan GAP / Promosi Koperasi / MAT Koperasi	12/5/2016	Dewan Serbaguna Kalabakan, Sabah		
Roadshow Bantuan MPOB (TBSPK / TSSPK / SBSPK)	1/6/2016 25/7/2016	Kg Sagaliud, Sandakan, Sabah Kg Gum-Gum, Sandakan, Sabah		
	28/7/2016	Dewan Serbaguna Sg Bergusong, Pulau Sebatik, Sabah		
Lawatan Sambil Belajar	15/6/2016	Stesen Penyelidikan MPOB Lahad Datu/PLASMA, Sabah		
SENARAI KURSUS INDUSTRI ANJURAN MPOB				
KURSUS KEMAHIRAN MENGGRED BUAH SAWIT				
Wilayah Timur Wilayah Sarawak Wilayah Selatan	10-12/5/2016 19-21/7/2016 16-18/8/2016	Akan dimaklum kemudian	Norazman Mohd Yob 03-8769 4874 azmanyob@mpob.gov.my	
20th INTENSIVE DIPLOMA IN OIL PALM MANAGEMENT AND TECHNOLOGY (IDOPMT)				
Semester 3	2-19/5/2016	Akan dimaklum kemudian	Omar Kamal 03-8769 4869 omarkama@mpob.gov.my	

Bersambung ke muka surat 35

Berita Bergambar



Datuk Dr Choo Yuen May, Ketua Pengarah MPOB (kiri) menerangkan pameran MPOB kepada Tan Sri Alfred Jabu Numpang, Timbalan Ketua Menteri Sarawak (kanan) di Majlis Perasmian Sejiwa Senada 2016 di Miri, Sarawak pada 9 Januari 2016.



Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia (kanan), diberi penerangan oleh Dr Burhanuddin Abd Salam, Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat dan Khidmat Korporat semasa melawat ke gerai pameran MPOB sempena Sambutan Jubli Intan SMK Khir Johari, Bagan Datoh, Perak pada 6 Februari 2016.



Datuk Amar Douglas Uggah Embas, Menteri MPIC (empat dari kanan), menggunakan Roller Picker, hasil ciptaan MPOB di Program Hello Komoditi Long Lama, Miri, Sarawak pada 15 Februari 2016.

En Mike Tomson sedang menyampaikan ceramah bertajuk Amalan Pertanian Baik dan Pengenalan Koperasi Penanam Sawit Mampan semasa Taklimat Koperasi Penanam Sawit Mampan yang diadakan di Dewan Kg Sibuluh, Bau, Sarawak pada 18 Februari 2016.





YB Limus Jury, ADUN Kuala Penyu, bergambar bersama pekebun kecil semasa Mesyuarat Agung Permulaan Penanam Sawit Mampan Kuala Penyu Berhad di Dewan Shahbandar Makang, Kuala Penyu, Sabah pada 5 Mac 2016.

Aktiviti Pertunjukan Kaedah berkenaan pengurusan sawit diadakan sempena Kursus Sehari Sawit Bersama Pekebun Kecil di Kota Tinggi, Johor pada 21 Mac 2016.



Pegawai TUNAS dan pekebun kecil bergambar di Program Taklimat dan Penyerahan Produk Embio Actinoplus bersama Pascal Biotech kepada pekebun kecil di Ladang Koperasi Gunung Lambak 2, Kluang, Johor pada 27 Mac 2016.



SUDUT EKONOMI

JANUARI - APRIL 2016

Ulakan Prestasi Industri Sawit Malaysia 2015

Industri minyak sawit Malaysia telah menunjukkan prestasi yang memberangsangkan walaupun berdepan dengan isu ketidakpastian ekonomi dunia pada 2015. Pengeluaran Minyak Sawit Mentah (MSM) telah meningkat sebanyak 1.5% kepada 19.96 juta tan pada 2015 berbanding 19.67 juta tan pada 2014. Peningkatan MSM pada 2015 ini disebabkan oleh peningkatan keluasan tanaman sawit matang kepada 4.86 juta hektar pada 2015 berbanding 4.69 juta hektar pada tahun sebelumnya atau meningkat sebanyak 0.17 juta hektar. Jumlah eksport produk sawit pula telah mencatatkan peningkatan sebanyak 1.2% kepada 25.37 juta tan pada 2015 berbanding 25.07 juta tan pada 2014.

Namun begitu, nilai eksport produk sawit telah berkurangan sebanyak 5.4% kepada RM 60.17 bilion pada 2015 berbanding RM 63.62 bilion yang dicatatkan pada 2014. Penyusutan nilai eksport ini disebabkan oleh penurunan harga produk sawit di pasaran. Purata harga MSM telah menyusut sebanyak 9.6% kepada RM 2153.50 per tan pada 2015 berbanding RM 2383.50 per tan pada 2014. Sebaliknya, hasil pengeluaran buah tandan segar (BTS) sehektar pula telah menunjukkan penurunan sebanyak 2.1% kepada 18.48 t/ha pada 2015 berbanding 18.63 t/ha pada 2014. Penurunan OER turut direkodkan iaitu telah mengalami kejatuhan sebanyak 0.16% kepada 20.46% pada 2015 berbanding 20.62% pada 2014.

Prestasi Industri Sawit Malaysia (Januari-April 2016)

Fenomena *El Nino* yang melanda negara pada 2015 dijangka akan menyumbang kepada penyusutan pengeluaran MSM pada Januari-April 2016 kepada 5.12 juta tan atau berkurangan sebanyak 0.36 juta tan berbanding 5.48 juta tan pada tempoh masa yang sama pada 2015 (*Jadual 1*). Pengeluaran MSM yang lebih rendah diunjurkan bagi Wilayah Semenanjung dan Sabah pada Januari-April 2016 berbanding tempoh masa yang sama pada 2015. Wilayah Sarawak pula dijangka akan merekodkan peningkatan pengeluaran MSM kepada 0.96 juta tan pada Januari-April 2016 berbanding 0.93 juta tan pada 2015 atau peningkatan

sebanyak 3.2% selari dengan jangkaan pertambahan keluasan tanaman sawit matangnya.

Jumlah eksport minyak sawit dan produk sawit dianggarkan mencatatkan prestasi yang lebih tinggi pada Januari-April 2016, berbanding tempoh masa yang sama pada 2015 (*Jadual 2*). Jumlah eksport minyak sawit dijangka akan meningkat kepada 4.90 juta tan atau peningkatan sebanyak 8.9% pada Januari-April 2016 berbanding Januari-April 2015. Manakala jumlah eksport produk sawit pada tempoh masa yang sama juga dijangka akan mengalami peningkatan sebanyak 6.7% kepada 7.29 juta tan berbanding pada 2015.

Jangkaan peningkatan harga produk sawit di pasaran dijangka menyumbang kepada peningkatan nilai eksport produk sawit pada Januari-April 2016 kepada RM 18.78 bilion berbanding RM 16.88 bilion pada 2015. Pada Januari-April 2016, dijangkakan purata harga MSM akan mengalami peningkatan kepada RM 2484 per tan berbanding RM 2240 per tan pada Januari-April 2015 atau peningkatan sebanyak 10.9%. Manakala itu, harga isirung sawit pula dijangka akan mengalami peningkatan sebanyak 13.3% bagi tempoh masa yang sama.

Kesan daripada jangkaan eksport produk sawit yang meningkat pada Januari-April 2016 dijangka akan menyumbang kepada pengurangan dalam stok minyak sawit di awal tahun. Jangkaan purata paras stok akhir pada Januari-April 2016 adalah 2.03 juta tan. Sebaliknya, jumlah import minyak sawit dijangka akan mengalami penurunan kepada 0.19 juta tan pada Januari-April 2016 berbanding hanya 0.26 juta tan pada Januari-April 2015. Hasil pengeluaran BTS pula dijangka akan menunjukkan penurunan selari dengan jangkaan pengurangan MSM kepada 5.06 t/ha pada Januari-April 2016. Kadar perahan MSM pula dijangka akan mengalami peningkatan kepada 20.50% pada Januari-April 2016 berbanding 20.19% bagi tempoh masa yang sama pada 2015.

Prospek Industri Sawit 2016

Pengeluaran MSM dijangka akan terjejas pada 2016 disebabkan oleh beberapa faktor. Faktor pertama disebabkan oleh fenomena *El-Nino*

Sambungan dari muka surat 20

JADUAL 1. PENGELUARAN MSM PADA JANUARI-APRIL 2015/2016 (juta tan)

Wilayah	Januari		Februari		Mac		April		Jumlah		Beza (%)
